

28/08/2002

Sinergi antara syarikat perkukuh sektor industri

Maznah Darus; Saufi Hamzah

GEORGETOWN, Selasa - Sinergi antara syarikat antarabangsa, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sektor industri dan universiti terutama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat memastikan Pulau Pinang menerajui sektor industri di negara ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata sinergi erat amat diperlukan bagi memastikan Pulau Pinang bergerak aktif dalam Program Rangkaian Global, sekali gus membolehkan negeri itu muncul sebagai 'Pusat Kecemerlangan' pada masa terdekat.

Beliau berkata, usaha mempertingkatkan keupayaan dan kebolehan melalui R&D akan diterajui Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) yang akan bertindak sebagai tulang belakang serta penyokong syarikat antarabangsa dan PKS terbabit.

"Sektor industri dan universiti tempatan perlu terbabit dalam usaha ini bagi memastikan usaha kerajaan negeri mewujudkan Pusat Penyelidikan Bersekutu dapat direalisasikan.

"Bagi mengekalkan kecemerlangan Pulau Pinang dalam sektor industri, peningkatan dan pembaharuan pakej insentif sedia ada perlu dilaksanakan," katanya pada uaputama seminar Membangun Bersama Pulau Pinang di Hotel Equatorial, di sini, hari ini.

Koh berkata, Pulau Pinang perlu memperluaskan rangkaian pengeluaran selain menggalak serta mempertingkatkan Rangkaian Pengurusan Pengeluaran.

Beliau juga melahirkan keyakinan terhadap keupayaan PSDC dalam merealisasikan sinergi antara syarikat antarabangsa dan PKS itu.

Katanya, PSDC yang ditubuhkan pada 1989 sudah menganjurkan lebih 4,000 kursus kemahiran.

"Dengan komitmen ditunjukkan PSDC, Pulau Pinang terpilih sebagai Model Amalan Terbaik dalam Perkongsian syarikat antarabangsa dan PKS oleh Majlis Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unctad) 2002," katanya.

Seminar sehari itu dianjurkan sempena ulang tahun ke-30 sektor industri di Pulau Pinang dan dihadiri kira-kira 700 peserta.

Antara penceramah yang membentangkan kertas kerja, termasuk Ketua Eksekutif Intel Corp, Datuk Craig Barrett; Ketua Pegawai Operasi Agilent Technologies, Bill Sullivan; Eksekutif Naib Presiden Hitachi, Yoshiro Kuwata; dan Presiden Osram, Dr Wolf-Dieter Bopst yang menceritakan pengalaman dan kejayaan syarikat masing-masing sejak memulakan operasi di Pulau Pinang 30 tahun lalu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu kehormat majlis jamuan makan tengah hari itu sebagai menghargai sumbangan Lapan Perintis Berteknologi Tinggi Pulau Pinang iaitu Advanced Micro Devices (AMD), Agilent Technologies, Fairchild Semiconductor, Hitachi, Intel, Osram dan Robert Bosch.